

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	20/12/2019	MUKA SURAT	: 25
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Jauhnya seludup anak singga!

Polis Riau selamat haiwan liar dari benua Afrika dibawa sindiket ke Indonesia melalui Malaysia

Oleh Mohd Jamilul  
Ambia Md Dennin  
ambia@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**B**agaimana empat anak singga dan seekor anak harimau bintang dari benua Afrika boleh diseludup ke Kepulauan Riau, Indonesia melalui Malaysia? Perkara itu menjadi tanda tanya bertukutan habitat asal haiwan liar itu tertetak lebih 7,000 kilometer sekali gus memungkin haiwan itu melalui perjalanan jauh untuk sampai ke negara ini yang dijadikan transit awal.

Difahamkan hidupan liar diseludup dari Malaysia itu dirampas polis Daerah Riau susulan kejayaan mereka menghidu aktiviti sindiket perdagangan haiwan an-tarabangsa.

Turut dirampas dalam operasi malam Sabtu lalu adalah 58 kura-kura Indiana Star yang dianggarkan bernilai puluhan ribu ringgit.

Jurucakap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia berkata, semua haiwan liar itu diselamatkan susulan penahanan seorang lelaki yang dipercayai ahli sindiket tersebut.


Menurutnya, haiwan liar itu diseludup menggunakan bot yang mendarat di pesisir 'pelabuhan tikus' berhampiran Dumai, Riau. "Siasatan mendapati, empat anak singga dan seekor



SUSPEK yang ditahan pihak berkuasa Indonesia selepas dikecas menyeludup anak singga dan harimau bintang dari Malaysia.



ANAK singga yang berjaya diselamatkan selepas diseludup dari Malaysia ke Riau, Indonesia.



KURA-KURA Indiana Star yang turut dirampas.

harimau bintang berusia kurang setahun itu dipindahkan ke Pekanbaru, Indonesia, dengan menaiki kenderaan pelbagai guna (MPV).

"Suspek bagaimanapun ditrahkan anggota Balai Besar Konservasi Sumber Daya Alam (BBKSDA) Riau yang turut menyelamatkan tiga Orang Utan.

"Turut ditemui botol susu dan serbuk susu bayi yang dipercayai digunakan sindiket untuk memberi minuman kepada anak singga dan harimau itu," katanya.

Sementara itu Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hasim yang ditubuhkan ber-kata, pihaknya haknya meneliti kes berkenaan.

menyebut, "Haiwan liar itu diseludup dengan bot yang mendarat di pesisir 'pelabuhan tikus'".

Menurutnya, sindiket dipercayai menjadikan Malaysia sebagai transit awal sebelum memindahkan haiwan itu ke Indonesia. "Kami mengumpul maklumat berhubung kes ini. Ada kemungkinan ia melibatkan rangkaian sindiket besar," katanya.